

Puasa dan penjagaan masa

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

BERSEMPENA Ramadan al-Mubarak ini, marilah sama-sama kita menghayati falsafah puasa yang antara lain mendidik jiwa supaya mencapai ketakwaannya. Seperti mana kata Saidina Ali: "Takwa ialah takut kepada Yang Maha Berkuasa, beramal dengan apa yang diturunkan oleh al-Quran, reda dengan sedikit kurniaan dan bersiap sedia menghadapi hari akhirat".

Puasa pada bahasa dengan maksud menahan dan pada istilahnya pula bermaksud menahan daripada segala perkara yang membatalkan puasa bermula daripada fajar menyinsing hingga terbenamnya matahari. Jelas terbukti ibadat puasa mengingatkan manusia kepada waktu. Ini dapat digambarkan melalui aplikasi-aplikasi ibadatnya. Secara ringkasnya seperti berikut :

- Melihat anak bulan sama ada Ramadan atau Syawal.
- Waktu terbuka puasa selepas terbenamnya matahari.
- Waktu imsak atau mula berpuasa sebelum menyinsingnya fajar.
- Waktu sahur selepas pertengahan malam dan sebelum masuknya subuh.
- Bilangan hari berpuasa.

Pendek kata dengan kedatangan bulan Ramadan, waktu amat dihargai oleh orang Islam kerana detik-detik yang dilaluinya ketika berpuasa ingin dicapai kepada suatu natijah iaitu terbuka. Begitu juga mereka akan



Ihya' Ramadan

menekuni dan membilang hari-hari Ramadan untuk menuju ke bulan Syawal. Sebagai kegemilangan dan kejayaan dalam menjalankan perintah Allah SWT.

Di sini penulis mahu menekankan betapa pentingnya seseorang Islam menjaga masa kerana seperti mana kata Imam al-Banna: "Masa adalah kehidupan". Keuntungan, kejayaan atau kegagalan dan kerugian berkait rapat dalam pengurusan masa. Begitu juga, memaksimumkan penggunaannya untuk menghasilkan produktiviti melalui anugerah modal insan.

Mereka yang layak berjaya seterusnya mengungguli kejayaan dengan cemerlang berdasarkan kepada bagaimana mereka menggunakan setiap detik-detik yang bergerak. Nafas-nafas yang dihembuskan serta nadi-nadi yang berdenyut untuk mentaati Allah SWT sama ada secara langsung atau tidak.

Justeru apabila kita melihat golongan yang dipanggil *al-Faizin* iaitu golongan yang berjaya, maka sudah pasti kita dapati mereka berjaya dalam menguruskan kehidupannya walaupun mempunyai ruang masa yang sedikit atau sama seperti orang lain.

Sebagai contoh untuk membakar semangat supaya kita meningkatkan amal dinyatakan di sini:

- *Al-A'masyh* tidak pernah terlambat

6 Justeru apabila kita melihat golongan yang dipanggil *al-Faizin* iaitu golongan yang berjaya, maka sudah pasti kita dapati mereka berjaya dalam menguruskan kehidupannya walaupun mempunyai ruang masa yang sedikit atau sama seperti orang lain

takbiratul ihram selama 60 tahun bersama imam iaitu solat berjemaah.

- Ibnu Idris seorang ahli zuhud yang mengkhawatirkan al-Quran sebanyak 4,000 kali di dalam rumahnya.
- Dihikayatkan bahawa Imam al-Syafie khatam al-Quran dua kali pada setiap hari daripada bulan Ramadan.

Akhirnya marilah sama-sama kita muhasabah diri kita dengan memikirkan persoalan ini berkenaan dengan waktu yang berbaki khususnya mengambil kesempatan dengan kunjungan Ramadan al-Mubarak ini.

- Berapa juzuk atau helai sehari kita membaca al-Quran?
- Berapa jam sehari kita peruntukkan

- untuk mentelaah kitab atau ilmu?
- Berapa banyak zikir yang kita lafazkan?
- Tanda cinta kepada Rasulullah SAW, maka berapa selawat kita bacakan?
- Solat fardu. Berapa kali kita berjemaah dan melangkah ke masjid?
- Bagaimana dengan tahajud dan qiamullail yang mudah kita mengambil kesempatan dengan sebab bersahur?
- Bagaimana hubungan kita dengan majlis-majlis ilmu?
- Apakah masa-masa yang terluang kita guna untuk menasihati anak-anak?
- Hubungan kita dengan jiran. Se jauh mana pertautan?
- Kerja kita dengan majikan. Se jauh mana sumbangan dan produktiviti yang kita berikan?
- Adakah segala ibadat kita laksanakan dengan sesempurnanya bahkan kita tambah dengan ibadat sunat?

Sebenarnya terlalu banyak yang perlu kita lakukan dan muhasabah diri. Benarlah kata al-Syahid Imam al-Banna: "Kewajipan-kewajipan itu lebih banyak daripada waktu yang kita miliki."

Justeru kaedah dan keutamaan serta *awlawiyat* hendaklah dijadikan *manhaj* dalam kehidupan ini. Semoga kita menjadi golongan yang memanfaatkan waktu lebih-lebih lagi dengan kunjungan Ramadan ini.

- Dr. Zulkifli Mohamad Albakri ialah Pensyarah Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.